

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
TINGKAT 9-14, BANGUNAN U.M.B.C.,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR.

26hb. November, 1975.

(Cawangan Naik Pangkat dan Tatatertib)

Tuan,

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 16 TAHUN 1975¹

**Melapurkan harta-harta kepada Lembaga Tatatertib
oleh kakitangan Kerajaan**

Adalah saya diarah menarik perhatian tuan kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 22/69 bertarikh 4hb. November, 1969 mengenai peraturan yang mengkehendaki setiap kakitangan Kerajaan melapurkan harta-harta yang dimilikinya, isteri dan anak-anaknya kepada Pihak Berkuasa Tatatertib. Arahan ini adalah selaras dengan Peraturan 7, **Perintah Am Bab 'D' 1969** yang berkuatkuasa mulai daripada 17hb. Julai, 1969. Harta-harta yang dimaksudkan itu termasuklah rumah, tanah dan pelaburan-pelaburan.

2. Semenjak arahan tersebut dikuatkuasakan ramai kakitangan Kerajaan telah membuat laporan mengenai harta mereka kepada Lembaga Tatatertib masing-masing. Sungguhpun demikian adalah diketahui bahawa masih ada banyak lagi yang belum berbuat demikian, samada dengan sengaja ataupun mereka tidak sedar akan Peraturan itu. Sayugia ditegaskan bahawa Peraturan tersebut perlulah dipatuhi oleh setiap kakitangan Kerajaan, samada yang baru sahaja dilantik ataupun yang telah lama berkhidmat. Kakitangan-kakitangan yang baru dilantik adalah dikehendaki membuat laporan itu dalam masa tiga bulan selepas mereka dilantik dan sekiranya mereka tidak mempunyai apa-apa harta, mereka perlu juga mengemukakan suatu penyata "Tiada". Bagi kakitangan-kakitangan yang lain yang belum lagi membuat laporan, mereka adalah diseru berbuat demikian dengan segera, tanpa menunggu digesa oleh pihak-pihak tertentu.

3. Apabila membuat laporan itu butir-butir yang lengkap hendaklah diberi mengenai harta-harta berkenaan. Ini termasuklah harganya jika dibeli, cara-cara memperolehi harta itu, punca-punca pembayaran dan seumpamanya. Butir-butir yang dikehendaki itu adalah seperti dalam borang yang dikeluarkan bersama-sama dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 22/69 itu sepertimana yang dilampirkan bersama-sama ini, dengan sedikit pindaan.

4. Ketua-ketua Jabatan adalah dengan ini diminta menyampaikan arahan ini ke pengetahuan setiap kakitangan Jabatannya dan menentukan yang setiap mereka yang mempunyai harta yang belum lagi melapur atau belum memperolehi kebenaran dari mana-mana Pihak Berkuasa Tatatertib, hendaklah melaporkan

harta-harta milikan mereka dengan segera. Setiap laporan hendaklah dibawa ke pertimbangan lembaga Tatatertib sebelum catitan mengenai pemilikan harta itu dimasukkan ke dalam buku Rekod Perkhidmatan kakitangan yang berkenaan.

Saya yang menurut perintah,

(WAN AWANG BIN WAN
YAACOB)

Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah
Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

Salinan:

Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri

(Semenanjung Malaysia)

¹Di batalkan oleh [PP. Bil. 4/81](#) berkuatkuasa pada 6 November 1981